



# INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMBANTU RUMAH



[www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)



[customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my)

**The Pacific Insurance Berhad adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## Tentang Produk Ini

Kami memahami bahawa pembantu rumah anda bukan sekadar pekerja, tetapi merupakan seseorang yang penting dalam rumah tangga anda. Insurans Kemalangan Diri Pembantu Rumah dari The Pacific Insurance Berhad boleh melindungi anda sekiranya berlaku kejadian tidak dijangka, kecacatan, dan kematian, sekali gus memberikan perlindungan yang menyeluruh serta ketenangan fikiran kepada anda dan pembantu rumah anda.

## Ciri-ciri Utama



Manfaat  
Kemalangan  
Diri



Perbelanjaan  
Penghantaran  
Pulang



Perbelanjaan  
Hospital dan  
Pembedahan



Manfaat Mingguan  
sehingga 10  
minggu



Liabiliti  
Vikarius

## Jadual Manfaat dan Premium

SEKSYEN	MANFAAT	JUMLAH DIINSURANSKAN TAHUNAN (RM)
1.	Kemalangan Diri	Jumlah Prinsipal Diinsuranskan 35,000
	(a) Kematian Akibat Kemalangan	
	(b) Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	
	(c) Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan (Lebih RM50.00)	Sehingga 1,000
	(d) Bayaran Ambulans	Sehingga 100
2.	Perbelanjaan Penghantaran Pulang akibat Kecederaan Badan	Sehingga 5,000
3.	Perbelanjaan Hospital dan Pembedahan	Sehingga 5,000
4.	Manfaat Mingguan (sehingga maksimum sepuluh (10) minggu)	Sehingga 100 setiap minggu
5.	Liabiliti Vikarius (Liabiliti Pihak Ketiga)	Sehingga 5,000
<b>PREMIUM</b> (Tidak termasuk Cukai Perkhidmatan yang berkenaan)		<b>Satu Tahun: RM75.00</b> <b>Dua Tahun: RM100.00</b>

*Nota: Jumlah diinsuranskan untuk semua manfaat di atas adalah terpakai sebagai had tahunan untuk setiap tempoh dua belas (12) bulan.*

## Kelayakan

Pada tarikh kuat kuasa perlindungan ini,

- Orang Yang Diinsuranskan mestilah merupakan seorang pembantu rumah:
  - berumur di antara lapan belas (18) hingga enam puluh enam (66) tahun;
  - di bawah penggajian yang sah oleh Pemegang Polisi; dan
  - merupakan seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas, atau bekerja secara sah di Malaysia.
- Pemegang Polisi mestilah merupakan:
  - agensi pembantu rumah yang berdaftar secara sah di Malaysia atau majikan sah Orang Yang Diinsuranskan; dan
  - seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas, sebuah syarikat berdaftar di Malaysia atau bekerja secara sah atau ditubuhkan di Malaysia.

## Terma dan Syarat Penting

### Tugas Pendedahan

Anda perlu mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan aktiviti peribadi anda yang mungkin mempengaruhi profil risiko anda.

### Pembayaran Sebelum Perlindungan

Adalah menjadi asas dan syarat kontrak insurans ini bahawa The Pacific Insurance Berhad mesti menerima premium sebelum tarikh kuat kuasa polisi/pengendorsan/pembaruan ini.

### Had Wilayah

Had wilayah yang dilindungi di bawah polisi ini adalah dalam Malaysia sahaja.

## Pengecualian Penting

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh pelbagai kejadian dan aktiviti, termasuk:

- × risiko peperangan;
- × risiko nuklear;
- × HIV atau AIDS;
- × kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau membunuh diri;
- × sebarang jenis penyakit (kecuali keadaan yang dinyatakan secara khusus di bawah Seksyen 3 – Perbelanjaan Hospital dan Pembedahan dan Seksyen 4 – Manfaat Mingguan);
- × keadaan kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada;
- × melahirkan anak, keguguran atau kehamilan; atau
- × di bawah pengaruh alkohol dan dadah.

Anda juga tidak dilindungi semasa mengambil bahagian dalam atau berkaitan dengan aktiviti tertentu seperti:

- × polis atau operasi tentera;
- × sebarang aktiviti udara selain sebagai penumpang dalam pesawat yang berlesen;
- × penyertaan dalam sukan profesional atau semi-profesional;
- × sukan bermotor;
- × persembahan berisiko tinggi;
- × pekerjaan tertentu yang melibatkan aktiviti berisiko tinggi; atau
- × semasa melakukan aktiviti jenayah menyalahi undang-undang atau berniat jahat.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian.*

# Borang Cadangan

## Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan The Pacific Insurance Berhad dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu The Pacific Insurance Berhad dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad (atau semasa memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

## Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan perkara - perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan The Pacific Insurance Berhad dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu The Pacific Insurance Berhad dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan The Pacific Insurance Berhad (atau semasa memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

### BUTIR-BUTIR PENCADANG (PEMEGANG POLISI)

<b>Nama</b> (seperti dalam KP atau Pasport)			
<b>No. Kad Pengenalan Baru/Lama</b> atau Polis/Tentera atau Pasport		<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>No. Pengenalan Cukai (TIN)</b>			
<b>No. Pendaftaran Perniagaan</b> (jika berkenaan):		<b>No. Pendaftaran SST</b> (jika berkenaan):	
<b>Status Perkahwinan</b>	<input type="checkbox"/> Bujang <input type="checkbox"/> Berkahwin	<b>Jantina</b>	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
<b>Alamat Rumah/ Perniagaan</b>			
<b>No. Tel. (Bimbit)</b>		<b>No. Tel. (Pejabat)</b>	
<b>Emel</b>			
<b>Warganegara</b>	<input type="checkbox"/> Malaysia <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan) _____		
<b>Pekerjaan/ Jenis Perniagaan</b>			
<b>Tempoh Insurans yang Diperlukan</b>	<b>Dari:</b>	<b>Hingga:</b>	(termasuk kedua-dua tarikh)

### BUTIR-BUTIR PEMBANTU RUMAH (ORANG YANG DIINSURANSKAN)

<b>Nama</b> (seperti dalam KP atau Pasport)			
<b>No. Kad Pengenalan Baru/Lama</b> atau Pasport		<b>Tarikh Lahir</b>	
<b>Status Perkahwinan</b>	<input type="checkbox"/> Bujang <input type="checkbox"/> Berkahwin	<b>Jantina</b>	<input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
<b>Alamat Rumah</b>			
<b>No. Tel. (Mudah Alih)</b>		<b>No. Tel. (Pejabat)</b>	
<b>Emel</b>			
<b>Warganegara</b>	<input type="checkbox"/> Malaysia <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan) _____		

## Bayaran

PREMIUM YANG PERLU DIBAYAR / PERLINDUNGAN	SATU TAHUN	DUA TAHUN
Premium Kasar	RM75.00	RM100.00
Cukai Perkhidmatan (yang berkenaan)	RM6.00	RM8.00
Duti Setem (dikecualikan sehingga 2025)	-	-
Jumlah Premium yang Perlu Dibayar	<b>RM81.00</b>	<b>RM108.00</b>

### CARA PEMBAYARAN (Sila tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan.)

Tunai

Cek (dibayar kepada The Pacific Insurance Berhad) No. Cek \_\_\_\_\_

Kad Kredit (pembayaran sekali)

Saya dengan ini memberi kuasa kepada The Pacific Insurance Berhad untuk mengecaj akaun Kad Kredit saya bagi bayaran premium saya.

Kad Kredit (arahan tetap)

Saya dengan ini memberi kuasa kepada The Pacific Insurance Berhad untuk mengecaj akaun Kad Kredit saya bagi bayaran premium tahunan dan duti setem (termasuk premium yang belum dibayar/tambahan, jika ada) yang dikenakan terhadap polisi insurans saya pada setiap pembaharuan. Kebenaran ini akan berkuat kuasa sehingga dibatalkan oleh saya secara bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad.

Walau apa pun arahan di atas, saya bersetuju bahawa polisi saya ditamatkan sekiranya premium tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan.

### BUTIR-BUTIR PEMEGANG KAD KREDIT

Nama Pemegang Kad		No. Kad Pengenalan Baru/Lama atau Polis/Tentera atau Pasport	
No. Tel. (Bimbit)		No. Tel. (Pejabat)	
Hubungan dengan Pencadang (Pemegang Polisi)			

### BUTIR-BUTIR KAD KREDIT

Jenis Kad Kredit	<input type="checkbox"/> MasterCard <input type="checkbox"/> Visa	No. Kad Kredit	
Bank Pengeluar		Tarikh Luput Kad	_____/_____/_____
Tandatangan Pemegang Kad		Tarikh	

#### Nota:

The Pacific Insurance Berhad hanya akan menerima arahan tetap kad kredit daripada pencadang (pemegang polisi) atau ahli keluarga terdekat pencadang (pemegang polisi).

Adalah dimaklumkan bahawa The Pacific Insurance Berhad akan memproses arahan tetap kad kredit anda (jika berkenaan), 7 hari sebelum tarikh tamat tempoh polisi anda. Sila pastikan akaun anda mempunyai dana yang mencukupi untuk memudahkan transaksi ini.

Sekiranya pemegang kad kredit bukan pencadang (pemegang polisi), pemegang kad kredit hendaklah sama ada memberikan nombor untuk dihubungi atau surat kebenaran kepada The Pacific Insurance Berhad untuk mengecaj kad kreditnya bagi membayar polisi pihak ke-3.

Kutipan bayaran tidak boleh ditafsirkan sebagai penerimaan permohonan anda sehingga cadangan ini diluluskan oleh penanggung insurans dan juga tertakluk kepada pelepasan pembayaran anda jika ia dibuat melalui cek atau kad kredit. Sekiranya cek atau kad kredit ditolak oleh Bank, permohonan/pembaharuan (yang mana berkenaan) serta resit dianggap terbatal secara automatik dan penanggung insurans tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan sekalipun.

### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Pengesahan Telefon Dibuat oleh:

Nama: \_\_\_\_\_ Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh & Masa Pengesahan: \_\_\_\_\_

## Pencalonan

Sila baca perkara berikut dengan teliti sebelum anda melantik penama anda.

Penamaan oleh pencadang/pemunya polisi bukan Islam di bawah sub-perenggan 5 (1) Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, hendaklah mewujudkan suatu Amanah atas penama sekiranya penama-penama adalah suami/isterinya, atau anaknya atau jika tiada suami/isteri atau anak yang masih hidup semasa penamaan dibuat, ibu atau bapanya. Sebagai polisi Amanah anda tidak boleh membatalkan penamaan, mengubah atau menyerahkan polisi atau menyandarkan polisi ini sebagai cagaran tanpa keizinan pemegang Amanah. Jika tiada pemegang amanah yang dilantik (a) penama yang kompeten untuk berkontrak atau (b) jika penama itu tidak kompeten untuk berkontrak, ibu atau bapa kepada penama yang tidak kompeten itu selain pemunya polisi dan jika tiada ibu atau bapanya yang masih hidup, Pemegang Amanah Raya atau suatu syarikat pemegang amanah yang dinamakan oleh pemunya polisi, hendaklah menjadi pemegang amanah wang polisi.

Seorang penama selain dari seorang penama di bawah sub-perenggan 5 (1) Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, hendaklah menerima wang polisi yang kena dibayar atas kematian pemunya polisi sebagai wasi dan bukannya semata-mata sebagai benefisiari, menurut sub-perenggan 6 (1) Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan apa-apa pembayaran kepada penama itu hendaklah menjadi sebahagian harta pusaka pemunya polisi yang mati dan tertakluk kepada hutangnya. Penama bagi seorang pencadang/pemunya polisi yang beragama Islam setelah menerima wang polisi hendaklah mengagihkan wang tersebut berdasarkan undang-undang Islam.

Jika anda berhajat untuk menyerahkan hak wang polisi kepada penama (jika penama adalah selain daripada suami/isteri, anak atau ibu bapa) sebagai benefisiari dan bukan sebagai wasi anda maka anda dinasihatkan agar menyerahkan manfaat polisi kepada penama tersebut dan bukan dengan menyempurnakan penamaan di bawah ini. Borang serah hak boleh didapati atas permintaan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) 2013.

Sila ambil perhatian bahawa maklumat di atas tidak, dan tidak bertujuan untuk, dianggap sebagai nasihat undang-undang dan anda harus mendapatkan nasihat undang-undang bebas yang berkenaan.

Saya sebagai pencadang/orang yang diinsuranskan bagi Cadangan untuk polisi insurans di atas dengan ini melantik nama-nama yang berikut sebagai penama untuk menerima semua wang polisi yang dibayar apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia. Dengan ini Saya mengaku bahawa saya akan berurusan berkenaan polisi ini mengikut terma yang dinyatakan di atas.

Penama	No. NRIC/ Pasport	Tarikh Lahir	Alamat	Hubungan	Perkongsian (%)

Sila lampirkan helaian berasingan jika ruang tidak mencukupi.

Saya, sebagai pencadang/orang yang diinsuranskan bagi cadangan untuk insurans polisi di atas, dengan ini melantik penama-penama yang dinyatakan di bawah sebagai pemegang amanah semua wang polisi yang perlu dibayar apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia. Dengan ini saya mengaku bahawa saya tidak akan berurusan dengan polisi mengikut cara yang diperuntukkan di bawah perenggan 5 (5) Jadual 10 APK 2013 tanpa keizinan bertulis daripada pemegang amanah.

Nama Pemegang Amanah	No. NRIC/ Pasport/ Pendaftaran Perniagaan	Tarikh Lahir	Alamat

Sila lampirkan helaian berasingan jika ruang tidak mencukupi.

Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk bertindak sebagai Pemegang Amanah dan pelantikan saya/kami adalah tertakluk kepada hak mutlak pemilik polisi untuk membatalkan pelantikan tersebut bagi polisi yang dinyatakan di atas.

	Saksi	Pencadang/Orang yang Diinsuranskan	Pemegang Amanah
Nama			
No. NRIC			
Tandatangan			

Ditandatangani di \_\_\_\_\_ pada \_\_\_\_\_  
(Tempat) (Tarikh) / (Bulan) / (Tahun)

### Note:

1. Pencadang/orang yang diinsuranskan mestilah sekurang-kurangnya berumur 16 tahun untuk berhak melantik penama.
2. Saksi mestilah seorang yang berfikiran waras, yang telah mencapai umur 18 tahun dan bukan seorang penama.
3. Untuk yang bukan beragama Islam, anda dinasihatkan untuk melantik pemegang amanah. Bahagian pemegang amanah borang ini tidak terpakai kepada pencadang/orang yang diinsuranskan beragama Islam dan penamaan selain di bawah sub-perenggan 5 (1) Jadual 10 dibawah Seksyen 130 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

## AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

### Pemberitahuan kepada Pelanggan The Pacific Insurance Berhad ("TPIB")

Saya/Kami telah bersetuju dan membenarkan, dan telah mendapat persetujuan dan kebenaran saksi/pemegang amanah, untuk The Pacific Insurance Berhad (TPIB) memproses sebarang maklumat yang Saya/Kami telah berikan untuk tujuan permohonan ini. Di bawah PDPA, terdapat pelbagai syarat yang mengawal pemprosesan data peribadi anda. Sila rujuk di [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my) untuk maklumat terperinci Notis Privasi PDPA oleh TPIB.

### Persetujuan untuk Menggunakan Data Peribadi untuk Jualan Silang, Pemasaran dan Promosi

Saya/Kami telah memberi kebenaran dan kuasa kepada The Pacific Insurance Berhad (TPIB) untuk memproses sebarang maklumat yang saya telah berikan kepada TPIB untuk tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi termasuk pendedahan kepada syarikat lain di dalam kumpulan TPIB, ejen dan/atau mana-mana pihak ketiga sebagaimana dianggap sesuai oleh TPIB.

Ya  Tidak

## PENGAKUAN OLEH PENCADANG (PEMEGANG POLISI)

Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa butiran dan pernyataan di atas adalah benar dan lengkap dan Saya/Kami tidak merahsiakan sebarang maklumat yang mungkin mempengaruhi kelulusan permohonan ini. Saya/Kami mengesahkan bahawa cadangan dan pengisytiharan ini akan menjadi asas kontrak diantara saya/kami dan The Pacific Insurance Berhad dan bersetuju untuk menerima polisi Syarikat dan tertakluk kepada terma dan syarat-syarat polisi di dalamnya. Adalah difahami dan dipersetujui bahawa perlindungan ini hanya akan menjadi sah jika ia diterima oleh Syarikat. Saya seterusnya mengakui bahawa semua terma telah diterangkan kepada saya/kami dengan jelas dan saya/kami memahami sepenuhnya semua terma dan juga jawapan yang diberikan adalah maklumat benar oleh saya/kami kepada orang yang mengisi borang bagi pihak saya/kami.

Tandatangan Pencadang (Pemegang Polisi): \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

## BUTIRAN PENGANTARA

<b>Nama (seperti dalam NRIC atau Pasport)</b>		<b>No. Tel. (Bimbit)</b>	
<b>Tandatangan Pengantara</b>		<b>Tarikh</b>	

Brosur ini, bersama-sama dengan borang cadangan, adalah untuk maklumat sahaja dan bukan kontrak insurans. Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat penuh di bawah polisi ini sebelum anda mendaftar. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kesamaran atau konflik dalam tafsiran terma dan syarat antara versi terjemahan, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

### The Pacific Insurance Berhad

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629

Emel: [customerservice@pacificinsurance.com.my](mailto:customerservice@pacificinsurance.com.my)

Laman Sesawang: [www.pacificinsurance.com.my](http://www.pacificinsurance.com.my)